

Orang Islam Tidak Boleh Berkahwin di bawah Umur 16 Tahun

Seorang ulama yang terkenal di Singapura telah membawa perhatian saya kepada suatu pengaduan yang didatangkan kepadanya oleh seorang yang hendak mengahwinkan anak perempuannya di Singapura. Ayah itu berasa musykil disebabkan permohonannya kepada pihak yang berkenaan menolak permintaannya untuk mengahwinkan anaknya yang berumur kurang sebulan 16 tahun. Ayah itu diminta bersabar sebulan lagi baru boleh mengahwinkan anaknya itu. Sebab khabarnya, menurut keterangan ulama itu telah ada peraturan dijalankan bahawa seseorang yang berumur di bawah 16 tahun tidak diluluskan kahwin

(Oleh Wakil Qalam)

Kemudian adalah terberita pula bahawa kononnya perkara umur perkahwinan itu telah pun dibahas di dalam Majlis Penasihat Islam Singapura. Di dalam perbincangan itu, sekalipun ulama yang kenamaan di situ membantah, namun khabarnya perkara meluluskan had umur berkahwin itu telah diundi dengan berkesudahan, bahawa had sempadan umur pernikahan itu hendaklah tidak kurang daripada 16 tahun, ikut tahun Masihi.

Jika benar perkara ini, maka keputusan Majlis Penasihat Islam Singapura ke atas perkara ini sangat mendukacitakan sebab hukuman ini tentu akan dikuatkuasakan atau diperundang-undangkan, sedang ia bertentangan dengan hukum syariat Islam.

Sepatutnya apabila sesuatu keputusan hendak diambil mengenai perkara-perkara yang ada hukumnya di dalam Islam ataupun perkara-perkara yang kena mengena dengan syariat Islam, tidaklah perkara itu diambil undian tetapi hendaklah perkara itu diserahkan kepada ahlinya, iaitu dengan melantik beberapa orang ulama untuk membentangkan hukum-hukumnya, untuk dikemukakan kepada sidang dengan alasan-alasan syarak - tidak memakai undi sebab tidak dapat dimungkiri bahawa tidak semuanya ahli-ahli Majlis Penasihat Islam yang dilantik oleh kerajaan itu orang-orang yang ahli di dalam hukum-hukum

Islam kalau hukum-hukum yang berkenaan dengan syarak itu keputusannya diambil dengan undi maka jalah kebinasaannya sebab suatu perkara yang diselenggarakan oleh orang yang bukan ahli tentulah binasa padahnya seperti yang dikatakan oleh Nabi SAW.

Perkara kahwin di bawah umur enam belas tahun, ini bukannya perkara baharu yang dicuba hendak dikenakan kepada orang-orang Islam Singapura. Pada tahun 1950 dahulu mendiang John Laycock, seorang peguam yang terkenal di Singapura telah mengemukakan suatu cadangan supaya tiap-tiap perkahwinan di bawah umur 16 tahun diharamkan dan sesiapa melanggarnya akan dihukum. Cadangannya pada mulanya meliputi seluruh umat penduduk Singapura termasuk umat Islam sendiri.

Cadangan itu telah menimbulkan keributan kepada seluruh umat Islam Singapura. Suatu mesyuarat umum telah diadakan di Masjid Sultan Singapura pada 1 September 1950 membantah undang-undang yang dibawa oleh John Laycock, pada 8 September 1950, meminda Rang Undang-undang yang dibawanya dengan mengecualikan sama-sekali orang Islam daripadanya. Dengan pengecualian itu maka hukuman yang

dikenakan kepada umat Islam itu pun terlepas dan ketiadaan puas hati pun terhapus.

Sekarang persoalan itu telah timbul semula.

Rancangan itu dibawa masuk ke dalam saluran “meminta nasihat” kepada Majlis Penasihat Islam Singapura.

Malangnya di dalam Majlis Penasihat Islam, sekali pun ulama-ulamanya mengerti dan ahli dalam hukum syarak telah membantah dan tidak berpuas hati, namun undi telah diambil. Dengan ini maka kepadatan¹ berundi walau pun menentang pengajaran syarak kelak, apabila dikemukakan akan dikatakan bahawa ini telah dipersetujui oleh Majlis Penasihat Islam.

Suatu perkara mengenai hukum syarak, kalau dikemukakan kepada suatu badan, terutamanya badan seperti Majlis Penasihat Islam, maka pengerusinya atau yang dipertuannya hendaklah mengemukakan kebijaksanaan iaitu sebelum membahas atas perkara yang hendak dibahasnya yang berkenaan syarak wajib baginya mencari atau mendengar pendapat ahlinya (orang yang ahli dalam hukum itu) untuk memberi pendapat atau kupasan satu persatu persoalannya.

Kemudian pendapat atau kenyataan tentang hukum itu hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat, dan jika ia berasaskan kepada hukum syarak, sekiranya didapati kehendak itu bertentangan dengannya, maka kewajipan orang-orang yang bukan ahlinya hendaklah menerimanya sebab hukumnya telah ada. Sekiranya dipaksakan atau diadakan undi bererti bahawa sesuatu hukum yang telah ada itu di ubah dan orang-orang Islam akan terdedah menjalankan atau dihukum dengan hukuman yang bertentangan dengan hukum agamanya. Hal ini tentunya tidak akan diredai oleh umat Islam .

Kerajaan PETIR yang memerintah sekarang juga telah berjanji tidak akan mencampuri atau mengaju hal ehwal yang mengenai umat Islam tetapi “roda-roda kerajaan” atau “yang menjalankan kerajaan” sendiri nampaknya dari

satu ke satu masa mencari jalan mengadakan dan menjalankan hukum-hukum yang berlawanan dengan ajaran Islam dengan cara yang boleh dikatakan “bersembunyi-bersembunyi” atau “bersunyi-sunyi” menjadikan orang-orang Islam terletak bersesuaian dengan hukum umum yang terkandung di dalam “*Woman Charter*” yang dikenakan kepada selain daripada Islam yang berjalan kuat kuasanya sekarang. Persoalan mengenai dengan menyulitkan atau mengadakan hukuman-hukuman yang melanggar kelulusan syarak tentang berkahwin lebih daripada satu dan perkara peraturan cerai yang dibuat oleh mahkamah syariah sekarang - nampaknya adalah perkara yang mustahak mendapat perhatian umat Islam supaya mereka tahu ke mana kita telah dibawa untuk dimasukkan ke dalam *Woman Charter* yang kononnya hanya untuk selain daripada Islam tetapi sedikit demi sedikit orang-orang Islam telah dikaitkan kepadanya. (Jika ada peluangnya akan saya tulis kelak).

Berbalik kepada umur. Perbincangan mengenai ini telah pun dibahaskan dengan hebatnya pada tahun 1950 dahulu. Perbuatan menentukan umur perkahwinan hanya di atas 16 tahun itu adalah hukuman yang melanggar hukum syarak dan umat Islam. Sekalipun Majlis Penasihat Islam Singapura telah mempersetujuinya tetapi umat Islam tidak reda. Ini terbukti dengan adanya rapat umum pada tahun 1950 terhadap kepada rencana itu yang dibawa oleh mendiang Tuan John Laycock. Dipercayai sekiranya umat Muslimin mengetahui adanya peraturan dijalankan ke atas mereka bertentangan dengan hukum syarak yang dipatuhi mereka dan diwajibkan mereka taat, diubah maka tentunya akan timbul bantahan-bantahan hebat kelak mereka tidak akan reda bahawa ketetapan Allah ke atas mereka diubah.

Allah telah menetapkan bahawa seseorang anak perempuan yang baharu lahir itu sah boleh dikahwinkan oleh walinya kepada sesiapa pun yang difikirkannya layak atau yang

¹ Perkataan sebenar ialah keputusan

disukainya. Yang demikian ini dicontohkan oleh Rasulullah SAW sendiri di dalam perkahwinannya dengan Saiyidatina Aisyah dalam masa belum haid lagi. Tidak ada seorang daripada orang Islam yang dapat menafikan sahnya perkahwinan seseorang perempuan yang masih kanak-kanak itu oleh kerana Nabi telah melakukan yang demikian pada hal tiap-tiap perbuatan Nabi itu adalah sebagai contoh dan ikutan umat-umatnya. Jika suami bagi si kanak-kanak yang dikahwinkan itu mati maka isteri itu berhak ke atas pusaka suaminya. Tetapi kahwin yang semacam ini belum lagi *dukhūl* atasnya maka perempuan itu tidak wajib diberi nafkah dan nafkah itu diberi apabila kanak-kanak itu sudah baligh maka jika ia sihat badannya dan tidak menjadi mudarat baharulah boleh disatukan kepada suaminya tadi dan dengan watinya itu baharulah wajib nafkah di atasnya.

Yang di atas ini ialah perkara nikah gantung. Perkara yang kita hadap sekarang ialah tentang menetapkan umur itu. Banyak penulis-penulis telah menulis menerangkan tentang sempadan sah perkahwinan di antara seseorang perempuan yang baligh dengan lelaki itu membahagikan sempadannya kepada tiga bahagian (1) jika ia bermimpi bersetubuh dan inzal (2) datang haid dan (3) jika tidak ada tanda-tanda yang demikian digenapkan umurnya 15 tahun iaitu masa selambat-lambatnya seseorang perempuan datang haid itu. (mengikut Shāfi'ī) tiga ketetapan ini sebagai tanda-tandanya itu adalah menunjukkan bahawa perempuan yang telah menerima dan sampai kepada perkara yang tersebut itu di dalam hukum-hukum Islam terkenal kepada mereka segala tanggungan-tanggungan yang diletakkan kepada tiap-tiap seseorang dan dengan adanya tanda-tanda itu dengan sah dan terangnya gugurlah tanggungan ibu bapanya ke atasnya yang menunjukkan mereka telah dewasa dan mempunyai tanggungan-tanggungan yang tertentu sebagaimana keadaan orang lain. Ia bebas di dalam segala-galanya dan menurut pula yang

berpegang kepada asas al-Qur'an dan hadis sahaja bahawa jika perempuan itu ada walinya sekalipun ia boleh berkahwin dengan memilih kepada siapa yang disukainya dengan bertahkim dengan sebab ia telah bebas atau dewasa untuk memilih apa yang difikir baik bagi dirinya. Menurut *qawl* ini perbuatan berwali bapa dan seterusnya itu sebagaimana yang lazim bukanlah ia syarat sah nikah tetapi yang demikian hanya sunat jua.

Di dalam meletakkan umur ini adalah bersalahan sama sekali dengan pengajaran-pengajaran Islam. Jika orang-orang menghalusi dengan saksama tentang sebab-sebabnya tidak ditetapkan umur itu adalah oleh kerana di dalam kejadian-kejadian manusia itu yang berlainan tempatnya, kesuburan badan seseorang itu tidak sama. Seseorang yang hidup di dalam negeri yang panas keadaannya tidak sama dengan orang-orang yang hidup di dalam negeri-negeri yang sejuk. Pembawaan itu tidak menentukan kepada umur-umur yang terhad tetapi membawa kepada kekuatan badan yang demikian seseorang perempuan itu keadaannya lebih tegap pada suatu tempat dan umurnya masih rendah serta datang haid tetapi pada tempat yang lain umurnya telah tinggi tetap ia tidak datang haid sebab badannya tidak subur. Dengan demikian maka nampak bahawa ketetapan pada umur itu tidak dapat dijalankan oleh kerana perbezaan hawa dan sebagainya dan di sini nampaklah kebijaksanaan Allah Yang Maha Bijaksana itu yang menetapkan hukum yang tidak terup² pada akal manusia meletakkannya.

Di sebalik itu hendaklah kita ketahui hukum ini bagi menentukan sekurang-kurangnya perbuatan yang boleh dihimpunkan di antara seseorang perempuan dengan lelaki dengan jalan yang halal. Daripadanya dapat kita fikirkan lain-lain sebab iaitu telah lazim kepada kejadian tabii bagi mereka-mereka yang baharu sampai kepada sempadan baligh tadi (sama ada lelaki atau perempuan) adalah mereka

² Perkataan sebenar tidak dapat dikenal pasti

menghadapi suatu pancaroba kehidupan yang dengan ringkasnya masa itu tiba percubaan kepada dirinya dengan kongkongan syahwat yang akan membawa mudarat kepada mereka jika mereka mengikutinya. Oleh yang demikian diberi suatu jalan kepada mereka-mereka yang barangkali tidak kuat menahan kemahuan tabiatnya itu boleh berkahwin di dalam sempadan yang tersebut dengan *dukhūl* sekali dengan syarat bahawa keadaan kedua-dua mereka itu sihat. Juga walaupun perempuan itu berumur 30 tahun atau 35 tahun kalau ia tidak sihat maka tidak boleh berhimpun ia dengan suaminya dan suami wajib memberi nafkah kepadanya – jadi tidak payah lagi untuk menetapkan umur kerana yang demikian itu sudah tersebut dengan terangnya di dalam syariat. Dengan ini tidak payah kita berkata mengikut Mesir dan sebagainya kerana hukum-hukum kerajaan Mesir itu bukannya hukum Islam yang muktamad.

Tetapi di sana tidak ada sesuatu tegahan yang menetapkan bahawa di atas daripada umur-umur yang tersebut orang-orang tidak boleh berkahwin. Oleh yang demikian maka kelapangan-kelapangan yang diberi oleh agama itu hendaklah digunakan oleh kerana di dalamnya ada meliputi perkara-perkara kecualian yang harus terjadi. Dengan ini Islam telah memulangkan kebijaksanaan kepada tubuh tiap-tiap seseorang itu meletakkan kehendaknya - jika ia boleh berkuasa menjauhi pekerjaan-pekerjaan yang menggodanya sehingga berbuat kepada perbuatan-perbuatan zina maka yang demikian menjadi suatu pahala tetapi sekiranya orang itu tiada kuasa bertahan dan tidak berupaya menjauhkan kehendak-kehendak tabiinya dengan sebab baligh itu maka diluluskan bagi mereka berkahwin dan *dukhūl* supaya terlepas daripada bencana itu. Dengan itu zahir menurut pendapat saya tidak ada satu pun undang-undang yang lebih baik daripada undang-undang Islam yang disusun oleh Allah itu dengan tidak payah mencontoh kepada negeri ini dan negeri itu kerana ia telah tertulis dengan terangnya di dalam al-Quran. Ingat siapa yang telah mengaku dirinya

beriman dengan mencacat atau mencela kepada hukum-hukum yang tersebut maka bermaknalah ia mencacat dan mencela hukum Allah dan berlindunglah kita daripada yang demikian itu.

Adalah diingini bahawa pendapat ini adalah sama sependapat dengan ulam-ulama yang membantah langkah itu di dalam Majlis Penasihat Islam yang terbukti bahawa ada di antara mereka yang menyebutkan kepada saya akan perasaan tidak puas hati terhadap bagaimana perkara syarak yang ada hukumnya yang tertentu boleh dibelakangkan dengan satu keputusan undi.

Bacalah! Sudah Terbit!

Buku-buku Syuhada'

Disusun oleh:

Edrus

- | | |
|--|---------------|
| 1. Hamzah bin Abdul Mutalib | 50 sen |
| 2. Nusaybah - Pahlawan Wanita Islam | 50 “ |
| 3. Ikrimah bin Abu Jahal | 50 “ |
| 4. Saad bin Rabi' | 50 “ |
| 5. Saad bin Mu'az | 50 “ |
| 6. Nu'man bin Maqran | 50 “ |
| 7. Jaafar bin Abi Talib | 50 “ |
| 8. Anak Abdullah bin Ubay | 50 “ |
| 9. Anak Angkat Rasulullah | 50 “ |
| 10. Abu Hazaifah bin Utbah | 50 “ |

Diterbitkan oleh

Qalam

356/ 358, GEYLANG ROAD

SINGAPORE 14